

Peranan Kesejahteraan Keluarga dan Daya Tahan dalam Pengukuhan Keluarga Sandwich

The Role of Family Wellbeing and Resilience in Strengthening Sandwich Families

KHADIJAH ALAVI, NASRUDIN SUBHI, MOHD SUHAIMI MOHAMAD,
FAUZIAH IBRAHIM, NORULHUDA SARNON & SALINA NEN

ABSTRAK

Cabaran yang dihadapi oleh anak dewasa abad ke 21 yang berhadapan dengan generasi sandwich (iaitu kerjaya, menjaga keluarga nuklear dan ibu bapa tua mereka) kurang dianalisis atau dibincangkan secara meluas. Kesejahteraan, kebahagiaan dan daya tahan keluarga memainkan peranan utama dalam pengukuhan keluarga sandwich. Tujuan utama kajian ini ialah untuk memahami pengalaman peranan kesejahteraan keluarga dan daya tahan dalam kalangan generasi sandwich di Malaysia. Pengumpulan data telah dilakukan dengan menggunakan kaedah temu bual mendalam ke atas 30 orang responden berumur 33-55 tahun. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat tema utama komponen kesejahteraan generasi sandwich seperti penerimaan tanggungjawab, kebahagiaan, sokongan sosial dan daya tahan. Hampir semua penjaga dalam kalangan keluarga sandwich mengalami pengalaman positif dalam penjagaan warga tua. Penjaga generasi sandwich yang tinggal bersama ibu bapa tua mereka mempunyai hubungan timbal balik dan saling menyokong aktiviti penjagaan informal dalam keluarga dan komuniti. Penekanan nilai kekeluargaan yang utuh dijalinan secara harmoni sebagai pemangkin dalam konteks penjagaan informal dalam kalangan keluarga sandwich bagi mencapai kesejahteraan keluarga. Generasi sandwich juga menampilkan kebahagiaan dan daya tahan yang tinggi dalam hubungan intergenerasi. Kajian ini juga mencadangkan bahawa kerajaan dan NGO perlu mengambil kira penyampaian perkhidmatan melalui latihan kemahiran penjagaan kepada penjaga dewasa dan memahami kemampuan keluarga untuk bertahan bagi menjamin kelestarian generasi sandwich di masa depan.

Kata kunci: Generasi sandwich; kesejahteraan; daya tahan; penjaga; warga tua

ABSTRACT

The challenges faced by the twenty-first century's 'sandwich generation' i.e. mid-life adults with responsibility for their aging parents, are many. These include maintaining a career whilst also balancing commitments to children and parents. Family well-being, happiness and resilience play key roles in strengthening family units in these circumstances yet, they are not widely analyzed or discussed. The main objective of this study is to understand how well-being and resilience are incorporated into family life in 'sandwich generation' Malaysian families. It is based on the results of thirty in-depth interviews of respondents aged 33-55 years. The study's findings indicate that several major factors affect the well-being of sandwich families. These include: acceptance of responsibility, happiness, social support and resilience. For instance, almost all the respondents had positive experiences in caring for the elderly. Our sandwich generation caregivers who live with their elderly parents experience a relationship of reciprocity, whereby support is offered to the whole family in terms of informal care in both family and community. In this context, family values are interwoven harmoniously with parental and childcare responsibilities, serving as a catalyst for achieving family well-being. Our respondents also express a high level of happiness and resilience in their intergenerational relationships. This study concludes by suggesting that governments and NGOs should consider offering training in the skills necessary for adult caregivers, to better equip sandwich generation families to deal with challenges, and to ensure the sustainability of sandwich generation families in the future.

Keywords: sandwich generation; well-being; resilient; caregiver; aging

PENGENALAN

Jumlah warga tua di Malaysia pada tahun 2012 adalah sebanyak 8.2% (2.4 juta berbanding dengan keseluruhan penduduk 29.34 juta). Kadar pertumbuhan penduduk warga tua diunjurkan akan meningkat dua kali ganda daripada jumlah asal pada tahun 2020 dan lebih tiga kali ganda pada tahun 2050. Unjuran penduduk pada tahun 2030, Malaysia akan berada dalam kategori negara tua iaitu sebanyak 15% daripada penduduk adalah warga tua. Purata jangka hayat bagi lelaki ialah 72.3 tahun dan wanita 77.2 tahun (Ruhaini 2013). Pertambahan penduduk dalam kalangan warga tua membawa perubahan drastik terhadap demografi masyarakat di Malaysia.

Syed Abdul Razak dan Mustafa (2007) menyatakan bahawa perubahan demografi masyarakat abad ke 20 telah mengubah nilai dan fungsi anak sebagai aset ekonomi kepada liabiliti ekonomi. Dalam sektor pertanian suatu masa dahulu, perkahwinan dan kelahiran anak merupakan perkara penting kerana fenomena ini boleh membantu menyumbang tenaga yang murah bagi keluarga terus bergiat aktif dalam bidang sara hidup masyarakat setempat. Anak merupakan tenaga kerja yang akan membantu ekonomi keluarga tanpa perlu dibayar atas sumbangan yang mereka tawarkan. Sebaliknya pada awal abad ke 21, perubahan nilai yang ketara terhadap fungsi anak sebagai liabiliti ekonomi telah memberi kesan kepada institusi keluarga. Institusi keluarga berubah apabila wanita bekerja sepenuh masa sehingga memberi kesan langsung kepada kurang sokongan keluarga dalam penjagaan warga emas. Secara tidak langsung wanita bekerja juga telah menghadkan fertiliti sehingga mengubah saiz dan struktur keluarga di mana jumlah adik beradik dalam keluarga semakin berkurangan dalam proses penjagaan warga emas (Tey Nai Peng 2007; Norehan dan Nor Áznin 2011). Struktur keluarga luas beransur-ansur runtuh dan bertukar menjadi keluarga asas. Secara tidak langsung, fenomena ini memberi kesan kepada proses penjagaan informal warga tua yang mulai mengecil (Rahimah 2000). Di Malaysia, penjagaan warga tua oleh anak dewasa telah banyak berubah akibat fenomena perubahan struktur keluarga, modenisasi dan urbanisasi. Penjaga yang berpotensi (anak dewasa) mempunyai batasan kemampuan untuk menjaga ibu bapa yang tua dan uzur. Ada kalanya anak dewasa ini memerlukan sokongan dan bantuan institusi formal dan tidak formal bagi mengendalikan penjagaan ibu bapa yang uzur agar dapat terus tinggal bersama keluarga mereka dalam mencapai kesejahteraan hidup keluarga tersebut (Khadijah & Rahim 2010).

Laporan indeks kesejahteraan keluarga Malaysia, 2011 (Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara 2013) mentakrifkan kesejahteraan keluarga merangkumi pembangunan individu dan keluarga yang seimbang dari segi fizikal, kerohanian, ekonomi, sosial dan mental. Kesejahteraan keluarga juga ditakrifkan daripada aspek kemudahan tempat tinggal

yang selesa, pendidikan, penjagaan kesihatan dan persekitaran selamat. Takrifan ini juga merangkumi hubungan antara ahli keluarga seperti cara keluarga berkomunikasi, menyelesaikan masalah, bertindak dan mendidik anak mereka. Kesejahteraan keluarga adalah salah satu aspek yang memainkan peranan penting dalam hidup seseorang individu. Kesejahteraan keluarga akan berubah mengikut perubahan dalam persekitaran tertentu. Kesejahteraan keluarga boleh dibahagi kepada dua: kesejahteraan secara objektif iaitu tahap pencapaian individu dalam kehidupan daripada aspek kesihatan, perumahan dan keselamatan dan kesejahteraan secara subjektif seperti kepuasan, kegembiraan, interaksi dan hubungan dengan keluarga, jiran, saudara-mara dan sahabat handai, kefungisian individu dan keluarga serta tahap resiliensi (Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara 2013). Maka dalam kajian ini konsep kesejahteraan individu merangkumi tiga persoalan penting iaitu: (1) secara keseluruhan, adakah anda berpuashati dengan hidup anda hari ini? (2) apakah alasan anda merasakan perkara yang anda lakukan (peranan sebagai generasi *sandwich*) adalah berbaloi dalam kehidupan anda (3) bagaimanakah perasaan gembira anda semalam?

Keluarga tradisional masyarakat Malaysia tinggal dalam keluarga luas yang terdiri daripada beberapa pasangan, anak-anak dan saudara mara terdekat yang tinggal bersama di bawah satu bumbung atau tinggal berdekatan. Maka tanggungan keluarga lebih stabil kerana dipikul oleh beberapa keluarga inti. Struktur keluarga Malaysia berubah akibat modenisasi ke arah keluarga nuklear tetapi tanggungjawab penjagaan anak-anak dan warga tua terpaksa ditanggung oleh pasangan dalam keluarga nuklear dan pola tempat tinggal juga berubah akibat perubahan sara hidup masyarakat moden. Keluarga *sandwich* merupakan satu bentuk keluarga baru yang telah dikenal pasti dalam masyarakat Malaysia. Bentuk keluarga ini merupakan pasangan yang perlu menanggung anak dan menjaga ibu bapa yang tinggal bersama. Situasi ini dijangka akan menjadi lebih serius terutamanya bagi pasangan muda dwi-kerja yang kurang mempunyai sumber mencukupi dalam mengurus keperluan anak-anak dan ibu bapa tua mereka dalam masa yang sama (Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara 2013). Peningkatan keluarga dwi-kerjaya merupakan cabaran kepada keluarga yang menjaga warga emas, tugas domestik dan menjaga anak-anak yang masih kecil. Imbangan tugas penjagaan keluarga dan kerjaya majikan perlu menggalakkan polisi “mesra keluarga” dengan kaedah kerja anjal di mana secara tidak langsung boleh meningkatkan produktiviti negara (Noor Rahamah 2013).

Generasi *sandwich* ialah gabungan dua generasi yang memerlukan penjagaan harian yang berlaku kepada anak dewasa pertengahan umur yang menjaga warga tua dan anak-anak tinggal di bawah satu bumbung. Generasi *sandwich* juga berperanan sebagai

tunggak atau sumber utama kepada ahli keluarga yang menyediakan bantuan dan sokongan fizikal, kewangan, emosi, sosial dan sumber maklumat. Menurut Andrew (2007), kebanyakan penjaga yang menjaga dua generasi secara serentak berhadapan dengan masalah kewangan dan kekangan masa untuk menyediakan keperluan-keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal, keselamatan dan makan dan minuman bagi menjamin kesejahteraan hidup keluarga. Penjaga yang berpendapatan rendah lebih berisiko untuk mengalami masalah kewangan berbanding penjaga yang mempunyai pendapatan yang tinggi. Ini kerana pendapatan melebihi perbelanjaan menyebabkan mereka perlu berjimat dan membahagikan pendapatan penjaga untuk perbelanjaan rumah, pendidikan, kesihatan dan diri sendiri. Mereka perlu mengutamakan kepentingan golongan warga tua dan juga kanak-kanak. Bahkan mereka juga merupakan pembuat keputusan bagi kedua-dua golongan tersebut. Seiring dengan pandangan yang dikemukakan oleh Pinqart dan Sorensen (2003), bahawa perbezaan terbesar antara penjaga keluarga (*caregiver*) dengan bukan penjaga keluarga (*non-caregiver*) adalah dari segi tahap kemurungan, tekanan dan keberkesanan diri (*self-efficacy*). Berbanding dengan bukan penjaga keluarga, penjaga keluarga dilaporkan lebih mengalami kesusahan dan kualiti hidup yang rendah (Pinqart & Sorensen 2003). Ini meletakkan generasi *sandwich* dengan pelbagai tekanan peranan boleh menyebabkan kesejahteraan individu dan keluarga mereka terabai.

Konsep tekanan peranan, permintaan peranan berlebihan dan konflik peranan memberikan suatu kerangka yang berguna untuk mengkonsepsikan pengalaman penjaga pertengahan umur yang menjaga ibu bapa tua yang uzur di samping memikul pelbagai permintaan peranan yang lain (Mui 1992). Penjaga tidak mempunyai masa atau sumber yang cukup untuk memenuhi tanggung jawab pelbagai peranan dengan sempurna. Oleh itu, komitmen menjalankan pelbagai peranan berkemungkinan besar menghasilkan tekanan yang disebabkan oleh permintaan peranan yang berlebihan dan konflik peranan. Apabila permintaan peranan sosial yang lain bertindih dengan tugas penjagaan, seseorang penjaga itu berkemungkinan besar akan mengalami tekanan peranan, yang didefinisikan sebagai kesulitan dalam memenuhi peranan dan tanggungjawab penjagaan dalam generasi *sandwich*.

OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan utama kajian ini ialah untuk memahami pengalaman peranan kesejahteraan keluarga dan daya tahan dalam kalangan keluarga *sandwich* di Malaysia. Persoalan kajian ialah sejauhmanakah kesejahteraan keluarga dan daya tahan bagi mencapai pengukuhan keluarga *sandwich* di Malaysia?

METODOLOGI

Artikel ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif iaitu kaedah temu bual secara mendalam dengan penjaga yang tergolong dalam generasi *sandwich*. Persampelan bertujuan adalah digunakan untuk mengenal pasti dan memilih responden yang sesuai. Seramai 30 orang generasi *sandwich* telah dikenal pasti secara teknik *snowballing* berdasarkan kriteria seperti gender (lelaki dan wanita); kaum terdiri daripada Melayu, Cina dan India; kriteria umur responden pula antara 30 tahun hingga 59 tahun (golongan umur pertengahan) dan tempoh penjagaan sekurang-kurangnya 6 bulan menjaga warga tua. Responden juga telah berkahwin dan mempunyai anak, serta menjaga ibu bapa tua (uzur dan memerlukan penjagaan).

Kesemua responden telah bersetuju dan memberi persetujuan bertulis untuk menyertai kajian ini. Semua sesi temu bual dirakam ke dalam perakam *audio* dan kemudian ditranskripsi bagi tujuan pengekodan data. Setiap sesi temu bual dilakukan di rumah responden berdasarkan waktu yang ditentukan sendiri oleh responden. Responden diberi kebebasan untuk memilih tempat dan waktu temu bual kerana faktor masa dan kepelbagaian peranan responden turut diberi perhatian. Proses pengumpulan data mengambil masa selama 3 bulan bermula dari Julai 2011 sehingga September 2011.

Analisis data dilakukan menggunakan analisis kerangka yang diperkenalkan oleh Ritchie dan Lewis (2003) untuk mengenal pasti tema-tema yang terbit berdasarkan pengalaman generasi *sandwich*. Terdapat lima peringkat dalam analisis kerangka yang digunakan iaitu:

1. Membiasakan diri dengan data yang telah dikumpul (*familiarisation with data*).
2. Mengindeks data dengan melabelkan isu-isu penting yang muncul (*indexing data*).
3. Merangka satu siri carta tematik bagi membenarkan semua pola data dapat diteroka (*devising a series of thematic charts*).
4. Pemetaan dan menginterpretasikan data dengan melihat kepada persamaan dan perbezaan data serta mengetengahkan ciri-ciri utama setiap data (*mapping and interpreting data*).
5. Pembangunan kerangka tematik dengan mengenal pasti isu-isu utama dari data yang terpilih (*developing a thematic framework*).

Secara umumnya, terdapat empat tema berkaitan kesejahteraan individu dan keluarga yang telah dikenal pasti daripada kajian ini. Tema-tema utama yang terhasil merupakan tema yang mencakupi aspek kesejahteraan individu dalam kalangan penjaga iaitu 1) penerimaan tanggungjawab 2) sokongan sosial 3) kebahagiaan dan 4) daya tahan.

HASIL KAJIAN

PROFIL RESPONDEN

Seramai 30 responden yang telah ditemu bual dalam kajian ini bagi meneroka pengalaman penjagaan warga tua. Majoriti penjaga adalah terdiri daripada wanita yang merangkumi anak kandung, anak menantu, cucu dan saudara-mara wanita. Latar belakang kerjaya responden juga menunjukkan bahawa kebanyakan responden masih bekerja kecuali 10% daripada responden ialah suri rumah tangga sepenuh masa. Golongan generasi *sandwich* sekitar Lembah Klang bekerja sepenuh masa dan mereka juga penjaga utama dalam keluarga bagi mengurus kebajikan kanak-kanak, remaja, suami dan warga tua. Dari segi umur penjaga, hampir separuh responden berumur antara 30 hingga 40 tahun, 6 orang berumur 41 hingga 50 tahun dan 9 orang berumur 51 hingga 59 tahun. Julat umur ini juga mempunyai perkaitan dengan krisis pertengahan yang melibatkan pelbagai masalah psikososial dalam kalangan generasi *sandwich*. Antara krisis yang dialami oleh generasi *sandwich* ini ialah masalah kewangan, tekanan sosial, masalah dwi-kerjaya dan masalah kesihatan. Walau bagaimanapun, generasi *sandwich* mempunyai tahap kesejahteraan sosial yang amat tinggi dan komited dalam penjagaan warga tua dan anak mereka. Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa anak dewasa yang menjaga warga tua mempunyai rasa tanggungjawab, rasa kebahagiaan (*happiness*), sokongan sosial dan daya tahan dalam proses penjagaan bagi menjawab objektif kajian adakah struktur keluarga yang menjaga warga tua berlaku perubahan sosial akibat modenisasi kepada demografi keluarga di Malaysia.

RASA TANGGUNGJAWAB

Kebanyakan responden mempunyai nilai tanggungjawab sebagai anak untuk menjaga orang tua, di mana mereka turut berfalsafah menyatakan bahawa orang tua adalah faktor mereka berada di dunia ini. Berikut adalah contoh :

...memang sikap tanggungjawab, pasal kalau kita tanpa mak dan ayah takda kita kat dunia ni, kalau kita kena fikir juga hari tu, kalau hari tua, kalau kita takda sikap tanggungjawab tu, habis kita sampai masa anak kita pula macam mana? (Responden 22)

Manakala ada juga responden menyatakan bahawa mereka mengambil tanggungjawab menjaga warga tua sebagai tugas prioriti dan mengadaptasi komitmen kerjaya seperti berikut:

...sebab saya rasa, yang lain-lain tu komitmen terlalu tinggi, terhadap kerjaya terlalu tinggi, saya bekerja sendiri, so memang banyak masa...kat pelantar kerja tak banyak, kalau mengajar, paling banyak dua kali. So selebihnya masa saya lebih banyak duduk rumah...”...orang tua kita responsible sampai kita boleh jaga dia, sampai dia tak ada. Saya tak tahu,

mungkin kita tak ada dulu. Tapi secara logik, kita bela dia sampai dia tak ada... (Responden 28)

...nak kata susah tak susah la, sebab tu tanggungjawab kita, kena pandai susun masa sebab kita semua ada kerjaya... mana masa kita untuk mak, nak keluar ingat mak... bimbang. Dah emak kita kan, memang tanggungjawab letak pada kita. Sebagai seorang anak kita kena ambil tanggungjawab tu... (Responden 30).

Dapatan kajian ini berbeza dengan pengkaji barat mengenai generasi *sandwich* di mana responden tidak menghadapi tekanan masa dalam melaksanakan pelbagai tanggungjawab dalam melaksanakan proses penjagaan generasi *sandwich*. Jenis pekerjaan responden yang anjal dan bekerja sendiri memudahkan lagi proses penjagaan generasi *sandwich*. Sebaliknya menurut Stroller dan Pugliesi (1989) pelbagai tanggungjawab keluarga boleh mendatangkan tekanan kerana masa yang diperlukan untuk penjagaan akan mengurangkan masa yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab lain. Menjaga warga tua merupakan tanggungjawab dan komitmen tambahan dan kemungkinan penurunan prestasi kerjaya penjaga dalam melaksanakan tanggungjawab yang lain. Persaingan di antara pelbagai komitmen yang melibatkan hubungan persahabatan dan tanggungjawab menjaga ini boleh mengakibatkan tekanan terhadap hubungan interpersonal (Braithwaite 1992).

Rata-rata responden yang telah ditemu bual, meluahkan dan memberi pandangan terhadap rasa tanggungjawab dalam penjagaan warga tua. Responden yang ditemu bual menjelaskan nilai peribadi mereka dalam setiap penjagaan yang mereka lakukan. Terdapat beberapa orang responden yang mempunyai kelebihan pada personaliti mereka seperti mudah bergaul dan mesra dengan warga tua serta tanggungjawab anak dewasa merasa ringan dalam proses penjagaan. Responden 21 menyatakan seperti berikut:

...saya seorang yang simple. Saya dengan orang tua tu saya sentiasa tiada masalah... sebab saya memang faham dari segi kehendak orang tua tu kan. Mungkin sebab saya yang lebih prihatin tentang perangai orang tua tu dah lama, dah berpuluh tahun memang sedemikian...kalau nak kata kan kita tengok dari segi kita punya role playing pun kalau menghadap pada orang tua, dia kira atas daripada kita dari segi respect kita, kita kena..lagi pulak anak kan...dia walaupun nak gain respect tapi dari segi kita nak asuh mereka dan kadang-kadang hieraki status dia kena juga meletakkan satu teladan la, the role playing tu la...

Rasa tanggungjawab adakalanya melangkaui hubungan darah di mana terdapat beberapa responden yang bergelar menantu merasakan mereka harus melayan kerehah mertua dan menghormati mertua seperti ibu bapa sendiri. Tidak dapat dinafikan bahawa pandangan masyarakat terhadap cara penjagaan yang mereka lakukan terhadap warga tua yang dijaga turut

diberi perhatian seperti yang dinyatakan oleh responden 24:

...1st sebab dia mak mertua. Dah kahwin dengan anak dia kena la jaga. Yang keduanya kitorang dah duduk sebelah-sebelah kang kalau tak ambil beratkan orang cakap apa pula...

Responden juga turut mengakui bahawa perasaan warga tua amat sensitif. Oleh itu, antara cabaran utama dalam melaksanakan penjagaan dengan sempurna adalah mengambil berat terhadap caragaya layanan yang diberikan kepada mereka dinyatakan seperti berikut:

...So kita kena la hargai..walaupun bukan anak sendiri. Macam rumah sendiri. sebab mak kita pun jauhkan kita jadikan macam mak kita sendiri. Perasaan diorang mesti kena jaga. Sebab orang tau tu kena sensitif sebab tu perasaan kena jaga, hati-hati la...jangan guris kan hati dia...selalu kena ambil tahu..jangan buat don't know je kan...lepas tu saling menghormati... (Responden 24)

Menjaga ibu bapa tua boleh mewujudkan hubungan positif perasaan keakraban, perkongsian perasaan dan pengalaman dengan ahli keluarga lain. Bahkan penjaga juga boleh merasa bangga, harga diri yang tinggi dan dipandang hormat oleh masyarakat (Martire & Stephens 2003). Responden juga merasakan mereka telah menjalankan tanggungjawab sosial dengan baik dalam proses penjagaan sehingga warga tua tersebut meninggal dunia. Bagi mencapai kesejahteraan subjektif dalam kalangan penjaga warga tua, responden perlu dan sanggup merendahkan diri, peka kepada persekitaran (kemudahan untuk penjagaan) dan emosi (caragaya layanan) warga tua tersebut. Kebahagiaan ialah tujahan kedua terpenting bagi setiap penjaga dalam kalangan generasi *sandwich*.

KEBAHAGIAAN

Ada sesetengah responden berfikir dan berperasaan positif terhadap penjagaan orang tua. Selain itu mereka menunjukkan betapa penting kehadiran orang tua dalam hidup mereka Terdapat responden berasa gembira dan bahagia dengan kehadiran orang tua mereka. Gambaran diberikan oleh responden berikut:

...sebab kita dapat selalu tengok muka ibu kita. Jadi kita rasa bila pagi kita boleh tengok ibu kita, bila balik kita mesti cari ibu kita. Kita rasa bahagia, sebab kita dapat membahagiakan ibu kita. Sebab bila tak ada, kita tak boleh cari lagi dengan boleh panggil ibu kita itu. (Responden 19)

...saya rasa lagi seronok. Sebab apa, pada saya, contohnya seperti bila mak saya sudah tiada. Saya rasa sunyi. Jadi saya sekarang bila mak mertua saya ada. mak mertua itu adalah mak kita... (Responden 12).

haa...sebab tu mak saya suka dengan cucu dan menantu dia... kalau pergi berjalan ke Johor bawa sekali. Kalau nak ke

TESCO, downtown... pakai wheel chair... bawa juga... biar dia rasa suasana tu... makna kita bagi dia happy. (Responden 29).

Beberapa responden menerapkan nilai keagamaan dalam peranan penjagaan. Responden percaya bahawa timbul keberkatan dalam melayari kehidupan dengan menjaga orang tua yang dinyatakan seperti berikut:

“...Alhamdulillah, ini secara peribadilah sebenarnya. Bila kita jaga orang tua ni sebenarnya, rezeki Allah bagi. Kita sebagai orang Islam kita kena percaya tu, kalau kita cakap orang bukan Islam mungkin dia tak percaya, tapi akak sendiri merasakan keberkatan tu ada, di mana kita menjaga orang tua, then kita rasa berbeza...” (Responden 30)

Secara ringkasnya, individu yang mencapai kebahagiaan dan kesederhanaan dalam kehidupan mereka dapat mengharungi masalah dengan strategi daya tindak yang berkesan di mana ini konsisten dengan dapatan kajian Lyubormirsky et al. (2001) bahawa individu yang gembira atau bahagia lebih senang menyesuaikan diri mereka dengan situasi atau keadaan sekeliling mereka dengan cara yang lebih positif.

SOKONGAN SOSIAL

Terdapat sebahagian responden mengakui bahawa mereka cuba sedaya upaya membantu dalam penjagaan warga tua dan mereka cuba mengelak bantuan-bantuan yang dihulurkan oleh pihak luar. Berikut adalah huraian yang diberikan oleh responden:

...kalau masih kuat tak apa, saya boleh. Ingat bila dia dah kena pakai pampes. Saya kata, saya sekarang bekerja, saya cuba dengan mampu saya. Alhamdulillah. (Responden 13)

...akak akan cuba sedaya upaya Akak untuk jaga, tak ada la macam Akak nak minta bantuan orang lain. Akak akan cuba diri Akak sendiri untuk selesaikan... (Responden 18)

...kalau you ada masalah dalaman, masalah dalam rumah, you settle dalam. You jangan pergi nak cerita-cerita dengan semua orang. Pasal orang kadang is not genuine, bukan semua orang nak tolong, kadang-kala dia meretakkan hubungan semua... (Responden 15)

Hasil kajian mendapati bahawa, kepercayaan dan nilai peribadi dapat diukur dengan aspek ganjaran dan keberkatan, kekuatan psikologi penjaga yang mempunyai tahap sendiri yang tinggi, pengetahuan yang dimiliki oleh penjaga dalam penjagaan dan akhir sekali adalah nilai tanggungjawab penjaga untuk menjaga orang tua dan anak-anak. Secara keseluruhan menunjukkan bahawa anak dewasa telah memberi perkhidmatan sokongan sosial yang terbaik kepada warga tua semasa mereka sakit. Sokongan sosial daripada ahli keluarga penjaga warga tua adalah penting bagi mengurangkan beban penjagaan dengan bantuan adik-beradik dari segi

sokongan ketara dan tidak ketara. Anak dewasa yang menjaga warga tua sering dikunjungi oleh adik beradik dan saudara mara dilihat mempunyai jaringan sokongan sosial yang lebih baik.

Laporan Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara (2004) mendapati bahawa peratusan warga tua yang mengharapkan anak-anak untuk menjaga mereka ketika sakit adalah tinggi dalam kalangan etnik India (76.8%), Melayu (68.8%) dan Cina (54.1%). Ini mempunyai perkaitan dengan budaya dan perapatan antara hubungan kekeluargaan yang mempengaruhi proses penjagaan dalam kalangan generasi *sandwich*.

TAHAP DAYA TAHAN (PENJAGA)

Daya tahan dalam proses penjagaan merangkumi proses perundingan, pengurusan dan penyesuaian diri dengan tekanan. Sumber dan potensi dalam individu, pengalaman dan persekitaran dapat memudahkan proses penyesuaian dan bangkit dalam menghadapi cabaran kehidupan. Dalam kitaran kehidupan, pengalaman daya tahan ini amat membantu seseorang menghadapi cabaran (Windle 2011). Kebanyakan responden menyatakan bahawa proses penjagaan menuntut seseorang individu bersabar, toleransi, saling memahami orang tua yang dijaga bagi mencapai kesejahteraan keluarga. Dalam konteks penjagaan warga tua bagi menghadapi cabaran dalam generasi *sandwich* dinyatakan seperti berikut:

“...sebenarnya jaga orang tua ni kena banyak sabar, banyak dugaan... contohnya pagi tadi pakcik yang buat sarapan ... dia kata tak sedap ... makcik kena la buat lain ... dia kata tak sedap juga ... kita kena bersabarlah ... tu beza, kalau anak boleh marah... biar orang tua marah, kita tak pe” (Responden 2)

“...kalau ayah saya marah... saya ambil pendekatan itu silap saya ... kadang saya tersentuh dengan perangai ayah ... jenis saya diam tapi kalau tak puashati dengan ayah, cakap dengan emak; kalau tak puashati dengan emak ... cakap dengan ayah, ... kita kena cepat minta maaf ... walaupun bukan salah kita, still kita kena minta maaf...” (Responden 3)

“...orang tua kan dia ke bilik air, tak cuci... dia tak perasan... jadi kita cuci lah. Cuma kita pesan kat dia ... bapa cuci, bapa cuci bilik air ye, jangan lupa... kadang-kadang dia lupa ... orang tua dia lupa. Kadang kita buat juga lah... dah biasa kan” (Responden 11)

“...dengan orang tua, kita kena faham orang tua ni, sebab kita datang dengan budaya yang berbeza ... memang perlu ada toleransi ... kalau ada perselisihan boleh diterima kerana saya seorang yang simple sebab saya memang faham kehendak orang tua tu kan” (Responden 21)

“...sebagai penjaga ibu bila dia terlalu marah ... akak istighfar dan mohon ampunan dosa. Dengan itu kita akan rasa cepat sejuk dan mohon petunjuk jalan yang paling baik untuk menyelesaikan masalah” (Responden 22)

Daya tahan ditakrifkan sebagai keupayaan untuk menyesuaikan diri, menghadapi cabaran, bertahan semasa kesulitan hidup dan mudah pulih semasa kesukaran untuk meneruskan kehidupan (Walsh 1998 & Walsh 2003). Hampir kesemua responden menyatakan bahawa kesabaran dalam proses penjagaan adalah amat penting kerana warga emas mengidap jenis penyakit dan pengambilan ubat-ubatan yang pelbagai juga merupakan punca mereka marah, berubah emosi dan sosial. Responden juga menggunakan pelbagai teknik daya tahan dalam menghadapi cabaran penjagaan dalam keluarga *sandwich*. Kajian kualitatif menghasilkan beberapa tema daya tahan dalam kalangan generasi *sandwich*. Antaranya ialah i) manfaat penjagaan iaitu, kepuasan diri dan tanggungjawab, memenuhi hubungan yang lebih bermakna, belajar bertoleransi dan dapat menjaga ibu bapa tua sehingga akhir hayat dan ii) mengurus tekanan melalui sokongan informal melalui berjalan kaki, penglibatan dalam aktiviti keagamaan, melakukan hobi dan kekerapan keluar bersiar-siar. Ramai responden mempunyai pengalaman penjagaan sejak zaman kanak-kanak dimana mereka menghabiskan masa bersama ibu bapa yang tercinta dan mengharapkan anak-anak juga akan membalas jasa mereka kelak (Ross, Holliman & Dixon 2003).

KESIMPULAN

Cabaran dan potensi penjaga warga tua dalam jangka masa panjang perlu dikaji dengan terperinci. Ramai individu yang menjadi penjaga daripada umur pertengahan dan seterusnya menjadi penjaga utama dalam kebanyakan keluarga generasi *sandwich*. Bagi ibu bapa tua yang tinggal bersama anak dewasa atau bersendirian biasanya bantuan yang diterima daripada anak dewasa merangkumi bantuan kewangan, penyediaan makanan, pembelian barang keperluan harian, penjagaan kebersihan rumah dan mencuci pakaian serta pengangkutan untuk mengunjungi sanak saudara dan pergi ke hospital atau klinik. Ibu bapa tua di Malaysia masih bergantung kepada anak dewasa, saudara-mara dan kawan-kawan untuk mendapatkan bantuan tersebut. Keluarga terdekat merupakan pilihan utama untuk minta bantuan dan sokongan oleh warga tua yang tinggal dalam komuniti. Pernyataan di atas disokong oleh Mohd Taib Osman (1989) yang menyatakan bahawa hubungan antara ibu bapa dengan anak dewasa dalam masyarakat Melayu adalah berdasarkan hormat dan sikap tanggung jawab terhadap satu sama lain. Orang Melayu tidak menerima hakikat apabila anak dewasa tidak mematuhi ibu bapa, tidak menghormati dan tidak mengambil berat tentang kebajikan ibu bapa terutama ketika mereka tua dan uzur. Perbuatan seperti itu bukan sahaja bercanggah dengan ajaran agama Islam, tetapi juga bertentangan dengan

harapan masyarakat. Kebanyakan penjaga dalam kajian ini menganggap penjagaan anak-anak dan ibu bapa sebagai tidak membebankan sebaliknya ia merupakan satu amanah yang dipertanggungjawabkan kepada penjaga generasi *sandwich*. Generasi *sandwich* merasa kebahagiaan dan daya tahan yang baik kerana mendapat sokongan sosial daripada keluarga luas generasi *sandwich*.

Penjaga atau anak dewasa adalah amat berharga dan merupakan sumber kepada warga tua yang kurang upaya dan sakit terlantar. Penerimaan tanggungjawab oleh anak dewasa ini membolehkan warga tua tinggal di rumah sendiri dan boleh mengekalkan hubungan baik dengan masyarakat. Perjalanan hidup ini tidak akan diperolehi jika warga tua ditinggalkan di pusat penjagaan warga tua dan pemindahan warga tua ke institusi penjagaan merupakan mimpi buruk dalam kitaran kehidupan warga tua. Penjagaan warga tua di rumah merupakan amalan yang tidak ternilai kepada masyarakat dan penjimatan kos ekonomi yang ketara kepada kerajaan. Oleh yang demikian, kerajaan dan komuniti setempat perlu mengambil kira secara serius masalah, cabaran dan potensi generasi *sandwich* ke arah pembangunan negara maju yang harus seimbang dan lestari agar masalah berkaitan masyarakat dapat ditangani secara menyeluruh dan berkesan.

Perubahan saiz dan struktur demografi keluarga lebih cenderung kepada keluarga inti atau nuklear memberi impak kepada proses penjagaan warga tua di Malaysia. Dalam abad ke 21 keluarga nuklear ini dikenali sebagai generasi *sandwich*. Kelebihan generasi *sandwich* membantu warga tua, keluarga, masyarakat dan kerajaan dalam menangani kos tersembunyi atau *hidden cost*. Dari aspek penjagaan warga tua di hospital dan institusi adalah lebih mahal berbanding dengan penjagaan oleh generasi *sandwich*. Dalam situasi ini anak dewasa mendapat bantuan lebih daripada ibu bapa tua misalnya bantuan kewangan terutama dalam pemilikan rumah yang semakin mahal sekarang ini. Isu generasi *sandwich* ini saling membantu anak dewasa dalam urusan pemilikan harta. Dari segi pengangkutan ke hospital, berkunjung ke rumah saudara mara, kenduri kendara dan sebagainya boleh dibantu oleh cucu diperingkat awal dewasa. Secara tidak langsung, fenomena generasi *sandwich* ini boleh membantu dari segi hubungan emosi, pekekalan budaya dan pelbagai sokongan ketara dan tidak ketara dalam kalangan warga tua yang ditinggal dalam lingkungan generasi *sandwich*. Hubungan antara generasi dalam keluarga *sandwich* memberi manfaat timbal balik kepada semua pihak hingga mencapai kesejahteraan keluarga, kebahagiaan dan daya tahan yang tinggi melalui kesabaran penjagaan. Manakala penerimaan tanggungjawab penjagaan dalam kalangan anak dewasa diibaratkan "*lombong emas*", di mana imbalan dunia dan akhirat kerana menyelamatkan ibu bapa tua dari terdampar di institusi penjagaan warga tua.

RUJUKAN

- Andrew, P. 2007. *The sandwich generation. Australia: McCrindle Research, ABS, NATSEM Income and Wealth.*
- Braithwaite, V. 1992. Caregiving burden: making the concept scientifically useful and policy relevant. *Research on Aging* 14(1): 3-27.
- Khadijah Alavi & Rahim M. Sail 2010. Peranan wanita Melayu Malaysia dalam proses penjagaan warga tua: Dilema dan cabaran era globalisasi. *Jurnal Kajian Malaysia* 28(2): 71-105.
- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara. 2004. *Laporan kajian penduduk dan keluarga Malaysia 2004. Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara.* Kuala Lumpur: Penerbit LPPKN, KPWKM.
- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara. 2013. *Laporan Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2011.* Kuala Lumpur: Penerbit LPPKN, KPWKM.
- Lyubomirsky, S., Boehm, J. K., Kasri, F. & Zehm, K. 2011. The cognitive and hedonic costs of dwelling on achievement-related negative experiences: Implications for enduring happiness and unhappiness. *Emotion* 11(5): 1152-1167.
- Martire, L. M., & Stephens, M. A. P. (2003). Juggling parent care and employment responsibilities: The dilemmas of adult daughter caregivers in the work force. *Sex Roles: A Journal of Research* 48(3-4): 167-173.
- Mohd Taib Osman. 1989. *Masyarakat Melayu: Struktur, organisasi dan manifestasi.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mui, A. C. 1992. Caregiver strain among black and white daughter caregivers: a role theory perspective. *The Gerontologist* 32(2): 203-212.
- Norehan Abdullah & Nor'Aznin Abu Bakar. 2011. The Causal Relationship between Fertility and Women Labor Force Participation: Evidence for the Four Selected ASEAN Countries. *European Journal of Social Sciences* 26 (2): 154-158.
- Noor Rahamah Hj Abu Bakar. 2013. Masa kerja fleksibel dalam sektor formal di Bandar: Mengimbangi kerjaya dan tanggungjawab keluarga. *Akademika* 83(1): 77-80.
- Pinquart, M., & Sorensen, S. 2003. Associations of stressors and uplifts of caregiving with caregiver burden and depressive mood: A meta-analysis. *Journals of Gerontology: Psychological and Social Sciences* 58B(2): 112-P128.
- Syed Abdul Razak Syed Mahadi dan Mustafâ Omar. 2007. Pengalaman perubahan keluarga dan tingkat fertility di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia: Satu analisis dari aspek demografi. *Jurnal Penyelidikan Borneo* 1(1): 55-76.

- Rahimah Abdul Aziz. 2000. Kepentingan perancangan penjagaan warga tua. Dlm. *Warga Tua Isu dan Fenomena*, disunting oleh Abdul Aziz Jemain, Rahimah Abdul Aziz & Lukman Z. Mohamad, 179. Bangi: Penerbit UKM.
- Ritchie, J. & Lewis, J. 2003. *Qualitative research practice: A guide for social science students and researchers*. London: Sage Publications.
- Ross, L., Holliman, D., & Dixon, D. R. 2003. Resiliency in family caregivers: Implications for social work practice. *Journal of Gerontological Social Work* 40(3): 81-96.
- Ruhaini Hj Zawawi. 2013. Active aging in Malaysia. Paper presented at the second meeting of the committee on international cooperation on active aging, ASEAN-Japan, 19 July 2013, Tokyo, Japan.
- Tey Nai Peng. 2007. Trends in delayed and non-marriage in Peninsular Malaysia. *Asian Population Studies* 3(3): 243-261
- Walsh F. 1998. *Strengthening Family Resilience*. Guilford Press, New York: London.
- Walsh, F. 2003. Family resilience: Strengths forged through adversity. In *Normal Family Processes*, edited by Froma Walsh, 399-421. New York: The Guilford Press.
- Windle, G. 2011. What is resilience? A review and concept analysis. *Reviews in Clinical Gerontology* 21(2): 152-169.
- Khadijah Alavi (Corresponding author)
 Pusat Pengajian Psikologi & Pembangunan Manusia
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 Bangi
 Selangor
 Malaysia
 E-mail: khadijah@ukm.edu.my
- Nasrudin Subhi
 Pusat Pengajian Psikologi & Pembangunan Manusia
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 Bangi
 Selangor
 Malaysia
 E-mail: nas2572@ukm.edu.my
- Mohd Suhaimi Mohamad
 Pusat Pengajian Psikologi & Pembangunan Manusia
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 Bangi
 Selangor
 Malaysia
 E-mail: msuhaimi@ukm.edu.my
- Fauziah Ibrahim
 Pusat Pengajian Psikologi & Pembangunan Manusia
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 Bangi
 Selangor
 Malaysia
 E-mail: ifauziah@ukm.edu.my
- Norulhuda Sarnon
 Pusat Pengajian Psikologi & Pembangunan Manusia
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 Bangi
 Selangor
 Malaysia
 E-mail: norul@ukm.edu.my
- Salina Nen
 Pusat Pengajian Psikologi & Pembangunan Manusia
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 Bangi
 Selangor
 Malaysia
 E-mail: salina.nen@ukm.edu.my

Received: 30 January 2015

Accepted: 7 April 2015